

Mahathir sahkan 30 peratus calon BN muka baru

19 NOV 1999

PUTRAJAYA 18 Nov. — Senarai calon Barisan Nasional (BN) yang diumumkan secara muktamad esok akan membariskan 30 peratus muka baru termasuk daripada bekas Parti Melayu Semangat 46, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, senarai itu telah disiapkan dan beliau menyakini barisan itu mampu membawa kejayaan kepada BN pada pilihan raya kali ini.

Katanya, kriteria utama pemilihan calon ialah keupayaan calon-calon itu untuk menang dan kesetiaan yang kuat terhadap parti.

Beliau mengakui setiap kali menjelang pilihan raya selaku Pengerusi BN memang menghadapi masalah untuk membuat keputusan tetapi masalah kali ini tidak sebesar pilihan raya lepas.

Katanya, pada pilihan raya yang lepas hanya beliau sendiri membuat keputusan meluluskan senarai calon BN tetapi kali ini tugas itu dipikul bersama oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob.

Dalam pertemuan dengan editor media tempatan di sini petang ini, Dr. Mahathir berkata, antara masalah yang dihadapi dalam usaha memperkenalkan muka-muka baru ialah penyandang yang sedia ada tidak suka diganti atau digugurkan tetapi kalau tidak digugurkan, yang lain tidak berpeluang menjadi calon.

"Bagaimana nak tambah calon dari kalangan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO kerana calon dari Pemuda dan Wanita bila mereka dah tua tak mahu pula letak jawatan," kata Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO secara berseoroh.

Ditanya tentang peluang mereka yang

rapat dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini berpeluang menjadi calon, Perdana Menteri berkata UMNO tidak mendiskriminasi sesiapa semata-mata kerana mereka pernah rapat dengan Anwar.

"Semata-mata kerana mereka rapat atau bekerjasama dengan Datuk Seri Anwar bukan kriteria UMNO memilih calon. Dulu walaupun mereka rapat dengan Datuk Seri Anwar, mereka pegang kuat kepada kesetiaan pada parti. Kalau mereka jujur dan setia pada parti mereka akan dipilih sebagai calon," katanya.

Mencabar

Beliau menambah, begitu juga halnya penampilan calon muka baru termasuk daripada Parti Semangat 46 yang telah dibubarkan iaitu atas asas taat setia dan kebolehan.

Dr. Mahathir turut mengulangi keyakinan bahawa BN akan mengekalkan kekuasaannya di Kedah, Terengganu dan Perlis walaupun Pas meramalkan sebaliknya.

"Kita tidak nafikan kita menghadapi masalah di ketiga-tiga negeri itu. Kita telah menghadapi masalah yang sama pada pilihan raya umum yang lepas tetapi keputusannya berbeza daripada ramalan pelbagai pemerhati," jelasnya.

Dr. Mahathir berkata beliau menganggap pilihan raya umum 1990 sebagai lebih mencabar bagi BN berbanding kali ini kerana bebebapa sebab antaranya tiada seorang pun pemimpin berkaliber daripada kalangan Majlis Tertinggi UMNO meninggalkan parti itu.